



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN KAEDAH KES DALAM SUBJEK PRINSIP PERAKAUNAN TERHADAP PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN PENCAPAIAN PRESTASI PELAJAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RUZITA BINTI AB HALIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

KEBERKESANAN KAEDAH KES DALAM SUBJEK PRINSIP PERAKAUNAN TERHADAP PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN PENCAPAIAN PRESTASI PELAJAR

RUZITA BINTI AB HALIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 April 2011

RUZITA AB HALIM
M20072000650





PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-NYA saya dapat menyelesaikan kajian ini. Pelbagai pihak telah turut memberi sokongan dan kerjasama dari peringkat awal sehingga tamatnya penulisan tesis ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Hajah Dr Norlia Mat Norwani yang sentiasa memberi dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dan teguran membina secara berterusan sehingga selesainya tesis ini. Saya juga berterima kasih kepada Dr Rohaila Yusof dan Prof Madya Hariri Kamis yang sentiasa memberi panduan untuk penambahbaikan penyampaian kandungan tesis ini. Seterusnya saya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada sahabat dan rakan-rakan di UPSI atau di institusi lain yang telah memberi sokongan dan bantuan secara langsung atau tidak langsung untuk saya menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak pentadbiran, guru-guru dan individu yang terlibat dalam kajian ini kerana telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh kajian ini dijalankan di sekolah tersebut. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini kerana telah meluangkan masa dan memberi kerjasama yang baik.



Akhir sekali penghargaan ditujukan istimewa buat suami tercinta Mohd Nazaruddin Hj Mohd Zain atas pengorbanannya dan sentiasa berada di samping saya sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan buat keluarga tersayang kerana sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih kerana menjadi inspirasi dan menguatkan keazaman saya untuk menyempurnakan pengajian ini. Semoga Allah merahmati kita semua.





ABSTRAK

Kajian eksperimen ini telah menguji keberkesanan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar dalam subjek Prinsip Perakaunan. Kompetensi yang dikaji ialah kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk membandingkan kaedah kes dengan pengajaran tradisional dengan melihat kesan kedua-dua kaedah terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar. Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen dan melibatkan 61 orang pelajar. Tempoh masa kajian adalah lapan minggu. Data dikutip menggunakan borang soal selidik dan ujian prestasi. Data dianalisis menggunakan ujian-t dan analisis ujian kovarians (ANCOVA). Dapatan kajian menunjukkan pencapaian prestasi dan pembangunan kompetensi iaitu penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar kumpulan kaedah kes lebih tinggi dan signifikan berbanding pelajar kumpulan pengajaran tradisional. Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar kumpulan kaedah kes menerima baik pelaksanaan kaedah ini. Implikasi dapatan kajian ini ialah kaedah kes wajar digunakan sebagai satu kaedah P&P di dalam pendidikan Perakaunan bagi membangunkan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar.





ABSTRACT

This experimental study was conducted to test the effectiveness of case method towards students' competency development and academic performance. Competencies of problem solving, communication, leadership and team work were examined. The purpose of the study was to compare the case method to that of the traditional teaching and examine the effect of these methods on students' competency development and academic performance. The method used in this study was quasi experiment involving 61 students. The duration of the study was eight weeks. The data collected was in the form of response to a set of questionnaire and a performance test. Data was analyzed using t-test and ANCOVA. The result of the study showed the students' academic performance and competency development of problem solving and communication of case method group was significantly higher compared to that of the traditional teaching group. Overall, most of the students in the case method group had a positive perception towards the implementation of this method. The implication of the study was that case method should be used as an instructional method in accounting education in order to increase students' competency development and academic performance.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pendidikan	2
1.3	Pendidikan Perakaunan Peringkat Sekolah Menengah	3
1.4	Latar Belakang Pendidikan Perakaunan	5
1.5	Latar Belakang Kajian	9
1.6	Pernyataan Masalah	13
1.7	Tujuan Kajian	18
1.7.1	Objektif Kajian	18
1.7.2	Persoalan Kajian	19
1.8	Hipotesis Kajian	20
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	22

1.10	Kepentingan Kajian	25
1.10.1	Kepentingan kepada KPM, JPN, PPK dan BPG	26
1.10.2	Kepentingan kepada Pelajar	27
1.10.3	Kepentingan kepada Guru	27
1.10.4	Kepentingan kepada Sekolah	27
1.11	Batasan Kajian	27
1.12	Definisi Pemboleh Ubah Kajian	29
1.12.1	Kaedah Kes	29
1.12.2	Pengajaran Tradisional	29
1.12.3	Kompetensi	30
1.12.4	Prestasi	31
1.12.5	Prinsip Perakaunan	32
1.13	Rumusan	33

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	34
2.2	Teori Pembelajaran	34
2.2.1	Teori Tingkahlaku	36
2.2.2	Teori Kognitif	37
2.2.3	Teori Pemprosesan Maklumat	38
2.2.4	Teori Konstruktivisme	40
2.3	Kaedah Kes	43
2.4	Kompetensi	50
2.5	Prestasi	56

2.6	Rumusan	58
-----	---------	----

BAB 3

METODOLOGI

3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Pemboleh Ubah Kajian	61
3.4	Tempat Kajian	62
3.5	Subjek Kajian	63
3.6	Instrumen Kajian	64
3.6.1	Set Soalan Ujian Perakaunan	65
3.6.2	Soalan Soal Selidik Pembangunan Kompetensi	65
3.6.3	Borang Senarai Semak Pemerhatian	68
3.6.4	Set Ransangan Soalan Kajian Kes	69
3.6.5	Ujian Pra	70
3.6.6	Ujian Pos	70
3.6.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	71
3.6.8	Kajian Rintis	73
3.7	Kaedah Kes	74
3.8	Pengajaran Tradisional	77
3.9	Penganalisan Data Statistik	80
3.9.1	Analisis Deskriptif	80
3.9.2	Analisis Inferensi	81
3.10	Prosedur Kajian	84
3.10.1	Sebelum Kajian	87

3.10.2 Semasa Kajian	88
3.10.3 Selepas Kajian	90
3.11 Rumusan	92

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	93
4.2 Maklumat Deskriptif	94
4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	94
4.2.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa	95
4.2.3 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa	96
4.2.4 Taburan Responden Mengikut Pencapaian Peperiksaan Pertengahan Tahun Prinsip Perakaunan	97
4.2.5 Taburan Responden Mengikut Pencapaian Matematik PMR	98
4.2.6 Taburan Responden Mengikut Pencapaian Kemahiran Hidup Bersepadu PMR	100
4.2.7 Taburan Responden Mengikut Pencapaian Bahasa Melayu PMR	101
4.2.8 Taburan Responden Mengikut Kelas Tambahan (<i>tuition</i>) Prinsip Perakaunan	102
4.2.9 Taburan Responden Mengikut Minat terhadap Subjek Prinsip Perakaunan	103
4.2.10 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Bapa	104
4.2.11 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Ibu	106
4.3 Analisis Persoalan Kajian	108
4.3.1 Analisis Tahap Pembangunan Kompetensi dan Prestasi Pelajar	108

4.3.2	Analisis Ujian-t dari Segi Ujian Pra Pembangunan Kompetensi dan Pencapaian Prestasi	110
4.3.3	Analisis Ujian-t dari Segi Ujian Pos Pembangunan Kompetensi dan Pencapaian Prestasi	116
4.3.4	Analisis Ujian-t dari Segi Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi dan Pencapaian Prestasi	122
4.3.5	Analisis Ujian ANCOVA dari Segi Skor Min Ujian Pos Pembangunan Kompetensi dan Pencapaian Prestasi di antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	134
4.3.6	Rumusan Pengujian Hipotesis	136
4.4	Analisis pemerhatian	138
4.5	Rumusan	140

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	142
5.2	Rumusan Objektif Kajian	143
5.2.1	Keberkesanan Kaedah Kes terhadap Pembangunan Kompetensi Pelajar	143
5.2.2	Keberkesanan Kaedah Kes terhadap Pencapaian Prestasi Pelajar	149
5.3	Perbincangan	150
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	152
5.4.1	Cadangan supaya Kaedah Kes di jalankan di Sekolah	152
5.4.2	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	153
5.5	Rumusan	154

RUJUKAN	156
----------------	------------

LAMPIRAN-LAMPIRAN

A	Set Soalan Ujian Perakaunan	165
B	Borang Soal Selidik Kompetensi (Ujian Pra)	174
C	Borang Soal Selidik Kompetensi (Ujian Pos Kawalan)	178
D	Borang Soal Selidik Kompetensi (Ujian Pos Eksperimen)	183
E	Soalan Kajian Kes Hasil Terakru	190
F	Soalan Kajian Kes Belanja Terakru	195
G	Soalan Kajian Kes Hasil Terdahulu	199
H	Soalan Kajian Kes Belanja Terdahulu	203
I	Soalan Kajian Kes Hutang Lapuk dan Peruntukan Hutang Ragu	207
J	Soalan Kajian Kes Penyediaan Penyata Kewangan Terlaras	212
K	Surat Kelulusan untuk Menjalankan Kajian dari Bahagian Perancangan dan Kajian Dasar Pendidikan	219
L	Surat Kebenaran untuk Menjalankan Kajian dari Jabatan Pelajaran Perak	220
M	Rancangan Mengajar Harian (Kumpulan Eksperimen)	221
N	Rancangan Mengajar Harian (Kumpulan Kawalan)	263
P	Lampiran SPSS (Pembangunan Kompetensi)	301
Q	Lampiran SPSS (Pencapaian Prestasi)	306



SENARAI JADUAL

No Jadual	Halaman
1.1 Pencapaian Pelajar dalam Subjek Prinsip Perakaunan di peringkat Nasional	16
1.2 Pencapaian Pelajar dalam Subjek Prinsip Perakaunan di Negeri Perak	16
3.1 Pencapaian Pelajar dalam Subjek Prinsip Perakaunan SPM di salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Tanjong Malim Perak	63
3.2 Analisis Set Ujian Soalan Perakaunan Mengikut Aras Kognitif Taksonomi Bloom	65
3.3 Taburan Soalan Mengikut Kriteria Kompetensi	67
3.4 Skala Likert Berserta dengan Markah Skor	67
3.5 Borang Senarai Semak Pemerhatian	69
3.6 Analisa Item	73
3.7 Langkah-Langkah dalam Kaedah Kes	76
3.8 Langkah-Langkah dalam Pengajaran Tradisional	78
3.9 Jadual Pelan Tindakan Kajian	85
3.10 Ringkasan Prosedur Bermula Sebelum, Semasa dan Selepas Kajian	90
4.1 Responden Jantina	94
4.2 Responden Bangsa	95
4.3 Pendapatan Ibu Bapa	96
4.4 Pencapaian Peperiksaan Pertengahan Tahun Prinsip Perakaunan	97
4.5 Pencapaian Matematik PMR	99
4.6 Pencapaian Kemahiran Hidup Bersepadu PMR	100



4.7	Pencapaian Bahasa Melayu PMR	101
4.8	Mengikuti Kelas Tambahan	102
4.9	Minat Subjek Prinsip Perakaunan	103
4.10	Tahap Pendidikan Bapa	104
4.11	Tahap Pendidikan Ibu	106
4.12	Tahap Pembangunan Kompetensi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	108
4.13	Tahap Pencapaian Prestasi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	109
4.14	Analisis Perbezaan Ujian Pra Pembangunan Kompetensi di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	110
4.15	Analisis Perbezaan Ujian Pra Pembangunan Kompetensi Penyelesaian Masalah di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	111
4.16	Analisis Perbezaan Ujian Pra Pembangunan Kompetensi Komunikasi di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	112
4.17	Analisis Perbezaan Ujian Pra Pembangunan Kompetensi Kepimpinan di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	113
4.18	Analisis Perbezaan Ujian Pra Pembangunan Kompetensi Kerja Kumpulan di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	114
4.19	Analisis Perbezaan Ujian Pra Pencapaian Prestasi di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	115
4.20	Analisis Perbezaan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	116
4.21	Analisis Perbezaan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Penyelesaian Masalah di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	117
4.22	Analisis Perbezaan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Komunikasi di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	118
4.23	Analisis Perbezaan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kepimpinan di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	119



4.24	Analisis Perbezaan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kerja Kumpulan di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	120
4.25	Analisis Perbezaan Ujian Pos Pencapaian Prestasi di antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	121
4.26	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kelas Eksperimen	122
4.27	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Penyelesaian Masalah Kelas Eksperimen	123
4.28	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Komunikasi Kelas Eksperimen	124
4.29	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kepimpinan Kelas Eksperimen	125
4.30	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kerja Kumpulan Kelas Eksperimen	126
4.31	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pencapaian Prestasi Kelas Eksperimen	127
4.32	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kelas Kawalan	128
4.33	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Penyelesaian Masalah Kelas Kawalan	129
4.34	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Komunikasi Kelas Kawalan	130
4.35	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kepimpinan Kelas Kawalan	131
4.36	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pembangunan Kompetensi Kerja Kumpulan Kelas Kawalan	132
4.37	Analisis Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pos Pencapaian Prestasi Kelas Kawalan	133
4.38	Ujian ANCOVA dari Segi Perbezaan Skor Min Ujian Pos Pembangunan Kompetensi di antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan setelah Skor Min Ujian Pra Pembangunan Kompetensi dikawal sebagai Konstan	134





4.39	Ujian ANCOVA dari Segi Perbezaan Skor Min Ujian Pos Pencapaian Prestasi di antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan setelah Skor Min Ujian Pra Pencapaian Prestasi dikawal Sebagai Konstan	136
4.40	Rumusan Pengujian Hipotesis	136
4.41	Analisis Pemerhatian	138





SENARAI RAJAH

No Rajah	Halaman
1.1	Laluan Dua Pensijilan KPM, ACCA dan LCCI
1.2	Kerangka Konseptual Kajian
3.1	Langkah-Langkah Kajian



**SENARAI SINGKATAN**

AECC	Accounting Education Change Commission,
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
VT	Vokasional dan Teknik
ACCA	Association of Chartered Certified Accountants
CIMA	Chartered Institutes of Management Accountants
LCCI	London Chamber of Commerce and Industry
MIA	Malaysian Institute of Accountants
MICPA	Malaysian Institute Certified of Public Accountants
MASB	Malaysian Accounting Standards Board
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Kajian Dasar Pendidikan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PMR	Penilaian Menengah Rendah





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji bermula dengan perbincangan berkaitan latar belakang pendidikan dan pendidikan Perakaunan di Malaysia diikuti dengan pernyataan masalah, tujuan, hipotesis, kerangka konseptual, kepentingan dan batasan kajian. Di akhir bab ini, definisi operasional bagi pemboleh ubah-ubah yang digunakan di dalam kajian ini turut disertakan.





1.2 Pendidikan

Pendidikan amat penting bagi kejayaan negara di masa hadapan sama ada dari segi pembangunan ekonomi mahu pun dari segi perpaduan dan keharmonian rakyat. Pendidikan melambangkan sesuatu yang dapat membina pengetahuan individu, sikap dan potensi untuk berjaya dalam kehidupan. Pendidikan mencerminkan sesuatu penentuan kepada kedudukan negara yang lebih tinggi dan kesejahteraannya. (Mohd Arif, Paridon, Rosnaini, 2007)

Kecemerlangan pendidikan adalah teras utama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. Antara agenda utama ialah untuk melonjakkan tahap kecemerlangan institusi pendidikan bagi menghasilkan pelajar yang cemerlang secara menyeluruh dan mampu menghadapi cabaran negara seperti Wawasan 2020 dan Agenda Pembangunan Nasional (Amla et al., 2007). Justeru, pelbagai usaha dan pelan tindakan yang bersesuaian telah dirangka secara teliti untuk memberi fokus terhadap kejayaan pelan induk ini. Kecemerlangan pendidikan bukan satu agenda baru dalam sistem pendidikan kita, malah pelbagai usaha telah dilakukan sejak dari dulu lagi bagi melahirkan generasi pelajar yang berkualiti dan cemerlang akademik.

Sejajar dengan arus pembangunan yang semakin pesat dan serba canggih, tuntutan terhadap kualiti pendidikan juga dirasakan semakin tinggi. Selain cemerlang dalam bidang akademik, seorang pelajar perlu juga mempunyai keterampilan diri yang positif, sahsiah yang baik, progresif dan intelek. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyebut:





“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Sehubungan dengan itu, kurikulum pengajian mestilah seiring dengan agenda pendidikan masa depan. Tujuannya adalah untuk menyediakan pelajar yang boleh menyelesaikan masalah dalam kehidupan dan bersikap sebagai warganegara yang inovatif, bermaklumat, kreatif dan beretika mulia.



1.3 Pendidikan perakaunan peringkat sekolah menengah

Pendidikan Perakaunan di Malaysia yang diperkenalkan di peringkat sekolah menengah mementingkan proses pembelajaran yang melibatkan pemahaman rasional tentang sesuatu perkara yang dilakukan. Pelajar digalakkan berfikir secara logik dan mengamalkan budaya kerja yang positif bersifat teliti, teratur, menepati masa, mematuhi peraturan dan dapat bekerjasama serta berkomunikasi dengan baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Pendidikan Perakaunan pada peringkat asasnya adalah untuk melatih pelajar supaya mendapat kemahiran merekod,





mengklasifikasi dan mengungkap data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan berdasarkan prosedur debit dan kredit (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Pelbagai istilah telah digunakan dalam pendidikan Perakaunan iaitu Simpan Kira, Prinsip Akaun dan Perakaunan. Perbezaan istilah hanyalah merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam Perakaunan diliputi mengikut tahap pendidikan. Namun kini dengan perubahan kurikulum yang telah dibuat, istilah yang digunakan pula pada peringkat menengah atas ialah Prinsip Perakaunan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Prinsip Perakaunan merupakan lanjutan daripada subjek Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah dari aspek penyimpanan rekod perniagaan. Isi kandungannya adalah lanjutan dalam bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urus niaga (Ismail, Faridah & Azmi, 2002).

Pendidikan Perakaunan merupakan salah satu komponen di dalam pendidikan perdagangan. Jika dilihat dalam skop yang lebih luas, pendidikan perdagangan mempunyai aspek pendidikan Vokasional dan aspek pendidikan umum (Norlia, 2006; Rohaila, 2006; Suhaida, 2001).

Pendidikan Vokasional lebih menjurus kepada membantu pelajar menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mereka bekerja di dalam sesuatu bidang. Pendidikan Perakaunan dari aspek pendidikan Vokasional berupaya menyediakan pelajar untuk bekerja dalam bidang Simpan Kira, Akaun, Pengurusan Kewangan,





Pengkosan, Percukaian Dan Pelaburan. Aspek pekerjaan lain dalam pendidikan Perdagangan Vokasional ialah Kesetiausahaan, Perkeranian, Pengagihan dan Pengurusan Perniagaan.

Pendidikan Perdagangan umum bercorak membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemampuan yang membantu mereka di dalam urusan kewangan peribadi dan membolehkan mereka berurusan di dalam dunia perniagaan. Dengan kata lain, pendidikan Perakaunan yang merupakan sebahagian daripada pendidikan Perdagangan dapat membantu pelajar menjadi warganegara yang berpengetahuan dalam perniagaan dan berupaya mengurus kewangan peribadi.



1.4 Latar belakang pendidikan perakaunan

Menurut S. Sukumaran (1991), pendidikan Perakaunan adalah satu pengajian mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang perekodan angka dalam nilai-nilai kewangan. Di antara istilah yang digunakan untuk pendidikan Perakaunan di dalam sistem Perakaunan di Malaysia ialah Simpan Kira dan Prinsip Perakaunan. Perbezaan yang wujud antara keduanya adalah merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam Perakaunan dilitupi mengikut tahap pendidikan.

Prinsip Perakaunan di sekolah merupakan perluasan dan lanjutan kepada aspek menyimpan rekod yang dipelajari dalam subjek Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah. Walau bagaimanapun, isi kandungan subjek Prinsip





Perakaunan melampaui bidang Simpan Kira yang lebih mengutamakan proses merekod urus niaga.

Melalui subjek ini, pelajar didedahkan kepada konsep, prinsip dan kaedah Perakaunan yang diperkukuhkan dengan kemahiran merekod, mengelas, mentafsir, menganalisis dan mensintesis data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem Perakaunan berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.

Di bawah kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM), semua pelajar menengah rendah dikehendaki mengambil subjek Kemahiran Hidup Bersepadu sebagai satu subjek wajib. Aspek Simpan Kira terdapat di dalam komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Dengan ini di bawah KBSM, semua pelajar menengah rendah dikehendaki mempelajari aspek Simpan Kira.

Selain daripada subjek teras dan tambahan, pelajar-pelajar di peringkat menengah atas perlu mengambil sekurang-kurangnya dua tetapi tidak melebihi 4 subjek. Subjek elektif dikategorikan kepada 4 kumpulan iaitu Kemanusiaan, Vokasional dan Teknologi (VT), Sains dan Pengajian Islam. Salah satu subjek yang wajib diambil oleh pelajar adalah dari kumpulan VT. Di antara subjek lain di dalam kumpulan VT ialah Prinsip Perakaunan, Perdagangan dan Ekonomi Asas. Terdapat pelajar dari aliran sains yang mengambil kertas Prinsip Perakaunan. Bagi kumpulan kedua yang mengambil kertas ini dikategorikan sebagai Sastera Ikhtisas.






Jabatan Pendidikan Teknikal telah bekerjasama dengan badan-badan professional Perakaunan seperti *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), *Chartered Institutes of Management Accountants* (CIMA), *London Chamber of Commerce and Industry* (LCCI), *Malaysian Institute of Accountants* (MIA), *Malaysian Institute Certified of Public Accountants* (MICPA) dan *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) untuk menaik taraf pendidikan subjek Prinsip Perakaunan ke peringkat antarabangsa melalui gabungan dua pensijilan kebangsaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan industri/professional ACCA – sijil “*CAT Introductory Level, Paper 1 and Paper 2* serta LCCI-“*Level 1 and Level 2*” yang berasaskan pengetahuan, kemahiran penggunaan komputer serta nilai-nilai murni. (Jabatan Pendidikan Teknikal, 2007). Laluan dua pensijilan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), ACCA dan LCCI seperti di rajah 1.1.



Mantan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sijil tambahan dikeluarkan ACCA dan LCCI itu akan memberi kelebihan kepada pelajar yang sudah memiliki kemahiran asas dalam bidang Perakaunan, bersaing dalam pasaran pekerjaan. Calon SPM yang menduduki kertas Prinsip Perakaunan boleh memilih untuk mendapatkan sijil tambahan sama ada daripada satu atau kedua-dua badan Perakaunan profesional - ACCA dan LCCI. Walau bagaimanapun, hal ini tertakluk kepada syarat iaitu pelajar tersebut perlu mencapai tahap gred SPM dan Bahasa Inggeris, sebagaimana yang ditetapkan. Dengan ini pelajar lepasan SPM boleh terus ikuti ACCA dan LCCI (Utusan Malaysia, 2007).





Rajah 1.1 Laluan Dua Pensijilan KPM, ACCA dan LCCI

Sumber: Jabatan Pendidikan Teknikal (2007)





1.5 Latar belakang kajian

Selain daripada menggabungkan dan menyerap ilmu pengetahuan, aspek yang diutamakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) ialah strategi pengajaran. Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru mestilah melibatkan pelajar-pelajar sekolah secara aktif agar mereka dapat belajar secara langsung melalui pengalaman. Dengan kata lain, strategi P&P hendaklah berpusatkan pelajar. Guru hendaklah mempelbagaikan pendekatan pengajarannya supaya pelajar turut aktif dalam P&P. Pandangan tentang keperluan untuk mempelbagaikan aktiviti pelajar adalah selaras dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh *Accounting Education Change Commission* (AECC)(1992).



AECC (1992) telah menggariskan tiga dari tujuh prinsip yang mencadangkan pembelajaran aktif adalah lebih berkesan dari kaedah pasif yang masih mendominasi P&P Perakaunan sehingga hari ini. Sistem pendidikan yang menekankan kepada pencapaian akademik secara tidak langsung menyebabkan guru memilih strategi pengajaran berpusatkan guru atau kuliah dalam menyampaikan kandungan pelajaran dan meliputi sukatan pelajaran untuk memenuhi keperluan peperiksaan. Menurut Gabin (2002) strategi P&P yang berpusatkan guru ini gagal dalam melatih pelajar kemahiran utama seperti kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi.

Laporan status pelaksanaan strategi kesepaduan penekanan KBSM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991) mendapati guru-guru jarang mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka. Oleh itu, pembelajaran pelajar tidak





dimaksimumkan. Pelajar menjadi individu yang pasif dalam menerima ilmu pengetahuan. Pelajar kurang diberi peluang dan mencari dan memperkukuhkan pengetahuan dengan menggunakan kemahiran belajar. Laporan semakan KBSM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994) sekali lagi memberi penekanan kepada aspek strategi pengajaran berpusatkan pelajar. Pengajaran di sekolah menengah mestilah menjurus ke arah mewujudkan generasi pelajar yang saintifik dan progresif, berinovatif dan memandang jauh ke hadapan. Sehubungan dengan itu, guru perlu memilih strategi pengajaran berpusatkan pelajar yang sesuai.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah lama digunakan di dalam pendidikan Perakaunan sehinggalah ke hari ini adalah terdiri daripada pengajaran secara kuliah, latih tubi dan demonstrasi penyelesaian masalah oleh guru (Rihan, 2002; Rohaila, 2006; Suhaida, 2001). Strategi ini dikenali sebagai P&P tradisional dan berpusatkan guru. P&P tradisional yang berpusatkan guru ini tidak menepati strategi yang disarankan di bawah KBSM yang menekankan strategi berpusatkan pelajar. Strategi pemusatan pelajar menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti pembelajaran dan bukan sebagai penerima maklumat semata-mata. Kaedah yang dicadangkan oleh AECC (1992) untuk merangsang interaksi sesama pelajar dan juga guru bagi menambah keupayaan pembelajaran sendiri pelajar adalah simulasi, kajian kes, kerja lapangan dan projek berkumpulan.

Menurut Rahil, Habibah dan Kamariah Abu Bakar (2000), pengajaran merupakan satu proses yang terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk pelajar dengan tujuan membawa perubahan tingkahlaku ke atas mereka. Dalam





rancangan pengajaran, guru menentukan jenis perubahan yang dikehendaki, jenis pengetahuan ataupun kemahiran yang hendak diperolehi oleh pelajar dan perubahan-perubahan sikap yang hendak dicapai. Oleh itu, perancangan melibatkan pemilihan kaedah-kaedah, alat bantu mengajar dan aktiviti-aktiviti untuk menyampaikan pelajaran, pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar mestilah selaras dengan objektif-objektif yang ditetapkan. Objektif pengajaran ialah perubahan yang hendak dicapai oleh pelajar boleh jadi dalam bentuk pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang mana setiap guru boleh memilih kaedah pengajaran yang sesuai untuk pelajarnya supaya dapat menghasilkan pembelajaran yang diinginkan.

Perangkaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menunjukkan sehingga Mac 2005, jumlah pengangguran dalam kalangan siswazah adalah seramai 66300 orang dan daripada jumlah tersebut, 45100 orang terdiri daripada graduan Melayu (Kementerian Sumber Manusia, 2005). Perdebatan dan perbincangan hangat berlaku mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pengangguran dikalangan siswazah. Antara faktor-faktor tersebut adalah kelemahan kemahiran bahasa Inggeris (Fong, 2001); kelemahan teknologi maklumat dan komunikasi (New Straits Times, 2004) dan kekurangan kemahiran insaniah (Malaysian Employers Federation, 2005). Istilah kemahiran insaniah diwujudkan bagi merujuk kepada *soft skills* atau kompetensi. Mulai tahun 2005, para majikan sangat memberi penekanan terhadap kemahiran insaniah yang dimiliki oleh para graduan yang memohon pekerjaan. Kemahiran ini tidak diberi perhatian oleh sektor pendidikan negara sehinggalah pada tahun 2006 (Mustapha, 2006). Negara-negara maju dunia seperti Britain, Amerika Syarikat, New Zealand, Australia, Jerman dan Sweeden telah





melaksanakan kurikulum kemahiran insaniah yang dikehendaki dalam pendidikan mereka sejak dari tahun 1990 an lagi ((Jones, 2002).

Graduan-graduan kita yang mempunyai kelayakan akademik yang baik didapati mempunyai kelemahan dalam kemahiran yang diperlukan majikan ((New Straits Times, 2004) dalam kertas kerjanya bertajuk *Facing the realities of the world of works*, menyatakan selain daripada kelayakan akademik dan pengetahuan, kriteria lain ditekankan semasa pengambilan graduan baru ialah kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran ICT, kemahiran membuat perancangan dan kemahiran pengurusan. Kemahiran-kemahiran tersebut menurut *Malaysian Employers Federation* (Malaysian Employers Federation, 2005), tidak atau kurang terdapat dalam graduan dalam kalangan graduan negara ini. *Malaysian Development Corporation* (MDC) dalam kajiannya mendapati bahawa graduan-graduan bidang ICT mempunyai kelemahan dalam kemahiran menulis dan komunikasi (Ungku, 2004). Menurut *Malaysia Employers* lagi, latihan-latihan bagi pengambilan staf baru mengambil masa yang lama iaitu dua tahun untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran yang berkaitan dengan karier dan urusan pelanggan dan para majikan tidak mahu membuang masa dan wang melatih graduan-graduan tersebut.

Graduan-graduan yang tidak mempunyai kemahiran insaniah tidak sepatutnya dipersalahkan. Kurikulum pengajaran yang diikuti graduan rata-rata hanya menumpukan kepada ilmu pengetahuan sahaja. Institusi pendidikan perlu fokus kepada kebolehpasaran pelajar-pelajar, iaitu menyediakan pekerja-pekerja untuk bekerja. Dalam konteks ini, kebolehpasaran bermaksud seseorang itu mempunyai





kebolehan untuk mempelajari kemahiran-kemahiran untuk melakukan sesuatu tugas dan mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan dan perubahan yang berlaku dalam pekerjaan masa kini. Kesimpulannya, seorang pelajar atau graduan yang cemerlang bukan sekadar memiliki teknikal dan ilmu pengetahuan yang hebat, tetapi juga harus menunjukkan kecemerlangan dengan tahap motivasi yang tinggi, nilai-nilai profesional yang cemerlang, tret-tret peribadi yang mengkagumkan dan sikap terhadap kerjaya yang terpuji. Oleh itu, kita mengharapkan graduan yang lahir mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah yang menjadi asas kepada pencapaian seseorang individu yang berjaya. Bagaimanapun, kedua-dua kemahiran ini tidak seimbang dalam kalangan ramai graduan menganggur di negara kita.



Dengan mengambil kira aspek kognitif, tingkah laku, emosi dan sosial pelajar, satu kaedah di mana guru dapat menyediakan satu keadaan sekeliling yang membolehkan pelajar mempraktikkan dan memperkembangkan kemahiran yang boleh diperkembangkan melalui kaedah kes yang dianggap sebagai penyelesaian masalah yang kreatif telah diperkenalkan.

1.6 Pernyataan masalah

Memang tidak dinafikan sistem pendidikan di negara telah berjaya menghasilkan cerdik pandai, pakar ilmunan, pakar-pakar perubatan, saintis dan para profesional dalam pelbagai bidang yang bertaraf dunia. Namun demikian sejauhmanakah sistem





pendidikan negara kita telah berjaya melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang termaktub dalam FPK serta aspirasi bagi menyahut cabaran wawasan 2020. Tidak keterlaluan jika pengkaji menyatakan bahawa sistem pendidikan yang telah dilalui dan yang sedang diikuti sekarang terlalu mementingkan kepada pencapaian akademik. Roziah (2000) menegaskan bahawa pendidikan tidak lagi harus tertumpu kepada membekalkan ilmu kepada pelajar semata-mata, malah turut mendedahkan kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar apabila mereka tamat pengajian kelak.

Kompetensi atau kemahiran adalah kualiti yang dicari dalam diri pelajar iaitu keseimbangan di antara pencapaian nilai gred dan kemahiran tingkah laku yang bersesuaian. Seorang pelajar atau individu adalah dianggap kompeten apabila berjaya melaksanakan satu unit tugas yang mengintegrasikan pengetahuan teknikal, kemahiran dan sikap dalam menggunakan alat, bahan, kaedah atau teknik untuk menyempurnakan tugas yang berkesan dengan sesuatu pekerjaan. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Pendidikan Perakaunan pada peringkat asasnya adalah untuk melatih pelajar supaya mendapat kemahiran merekod, mengklasifikasi dan mengungkap data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan berdasarkan prosedur debit dan kredit (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Pelajar digalakkan berfikir secara logik dan mengamalkan budaya kerja yang positif bersifat teliti, teratur, menepati masa, mematuhi peraturan dan dapat bekerjasama serta berkomunikasi dengan baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).





Permasalahan P&P pendidikan Perakaunan menyebabkan penghasilan graduan yang dikatakan tidak kompeten. P&P pendidikan perakaunan yang berfokuskan kepada kaedah latih tubi, kuliah dan demonstrasi penyelesaian masalah yang dikenali sebagai P&P tradisional dan berpusatkan guru ini tidak menepati strategi yang disarankan di bawah KBSM yang menekankan strategi berpusatkan pelajar. Menurut Gabin (2002) strategi P&P yang berpusatkan guru ini gagal dalam melatih pelajar kemahiran utama seperti kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi.

Ekoran dari masalah graduan yang kurang kompeten, maka perlulah di kenal pasti satu strategi P&P yang dapat meningkatkan pembangunan kompetensi pelajar yang sepatutnya perlu bermula di peringkat sekolah menengah lagi. Kepentingan melahirkan pelajar yang kompeten akan dapat memenuhi hasrat kerajaan iaitu melahirkan pelajar yang “berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan di peringkat yang lebih tinggi” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Pendekatan yang digunakan dalam P&P Perakaunan pada masa kini adalah berpusatkan guru dan latih tubi secara individu (Rihan, 2002; Rohaila, 2006; Suhaida, 2001). Namun begitu, tidak semua pelajar dapat mengikuti pendekatan tersebut dengan baik. Ini dapat dilihat berdasarkan pencapaian pelajar yang kurang memuaskan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di jadual 1.1 dan jadual 1.2.



Jadual 1.1
Pencapaian Pelajar dalam Subjek Prinsip Perakaunan SPM di Peringkat Nasional

Tahun		Cemerlang		Kepujian				Lulus		Gagal
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G
2006	Bil	17023	5135	5436	6044	6485	6973	8987	9156	17605
	%	20.5	6.2	6.6	7.3	7.8	8.4	10.8	11.1	21.3
2007	Bil	17738	5680	6026	7368	7754	7047	9096	10013	18112
	%	20.0	6.4	6.8	8.3	8.7	7.9	10.2	11.3	20.4
2008	Bil	14896	5451	6134	6770	8670	8177	10261	8718	18278
	%	17.1	6.2	7.0	7.7	9.9	9.4	11.7	10.0	20.9

Jadual 1.2
Pencapaian Pelajar dalam Subjek Prinsip Perakaunan SPM di Negeri Perak

Tahun		Cemerlang		Kepujian				Lulus		Gagal
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G
2006	Bil	1398	438	428	515	563	658	866	922	2405
	%	17.1	5.3	5.2	6.3	6.9	8.0	10.6	11.3	29.4
2007	Bil	1249	419	466	558	625	588	839	1034	2440
	%	15.2	5.1	5.7	6.8	7.6	7.2	10.2	12.6	29.7
2008	Bil	1093	395	450	521	639	674	865	869	2528
	%	13.6	4.9	5.6	6.5	8.0	8.4	10.8	10.8	31.5

Sumber: Lembaga Peperiksaan, KPM

Jadual 1.1 dan 1.2 menunjukkan pencapaian prestasi pelajar dalam subjek Prinsip Perakaunan bagi tiga tahun berturut menunjukkan kemerosotan sama ada di peringkat nasional mahupun di negeri Perak. Malahan peratus pelajar gagal dalam



subjek Prinsip Perakaunan dilihat semakin meningkat di negeri Perak. Kemerosotan ini dipengaruhi oleh banyak faktor selain kaedah penyampaian guru seperti saiz kelas, tempoh masa P&P, latar pendidikan dan latar belakang pelajar.

Saiz kebanyakan kelas yang rata-ratanya antara 30 – 40 orang pelajar menyebabkan guru sukar memberikan perhatian yang sewajarnya kepada pelajar. Guru tidak dapat memfokuskan perhatian kepada semua pelajar memandangkan jumlah pelajar dalam satu kelas terlalu ramai. Tempoh masa P&P yang kebanyakannya dalam jangka masa 40 minit untuk satu pengajaran, dirasakan tidak sesuai kerana P&P Perakaunan melibatkan urutan urus niaga daripada buku catatan pertama hinggalah kepada penyediaan penyata kewangan. Proses urus niaga yang berturutan itu memerlukan masa yang panjang supaya pelajar dapat mengikuti proses tersebut dengan lancar. Latar pendidikan pelajar juga memberikan sumbangan yang besar kepada pencapaian prestasi pelajar kerana ada pelajar mendapat bimbingan dari kelas tambahan (*tuition*) dari luar. Pelajar yang mendapat bimbingan ini biasanya mempunyai pencapaian prestasi yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang tidak mendapat bimbingan dari kelas tambahan luar. Pelajar yang mempunyai latar belakang yang ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi juga banyak mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar.

Pengkaji melihat situasi ini sebagai satu keperluan untuk menguji keberkesanan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar khususnya dalam subjek Prinsip Perakaunan.





1.7 Tujuan kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah P&P berkesan yang boleh membangunkan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar. Dalam kajian ini kaedah P&P yang dikaji oleh pengkaji ialah kaedah kes dan kesannya terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar dalam subjek Prinsip Perakaunan tingkatan empat di salah sebuah sekolah di negeri Perak. Kompetensi yang dikaji oleh pengkaji ialah kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan.



1.7.1 Objektif kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, berikut disenaraikan objektif-objektif kajian:

- i. Menguji keberkesanan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi pelajar iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan berbanding pengajaran tradisional.
- ii. Menguji keberkesanan kaedah kes terhadap pencapaian prestasi pelajar berbanding pengajaran tradisional.





1.7.2 Persoalan kajian

- i. Apakah tahap pembangunan kompetensi pelajar iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan pelajar bagi kedua-dua kumpulan kaedah kes dan pengajaran tradisional?
- ii. Apakah tahap pencapaian prestasi pelajar bagi kedua-dua kumpulan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan skor ujian pra pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan di antara kumpulan kaedah kes berbanding kumpulan pengajaran tradisional?
- iv. Adakah terdapat perbezaan skor ujian pra pencapaian prestasi di antara kumpulan kaedah kes berbanding kumpulan pengajaran tradisional?
- v. Adakah terdapat perbezaan skor ujian pos pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan di antara kumpulan kaedah kes berbanding kumpulan pengajaran tradisional?
- vi. Adakah terdapat perbezaan skor ujian pos pencapaian prestasi di antara kumpulan kaedah kes berbanding kumpulan pengajaran tradisional?
- vii. Adakah terdapat perbezaan di antara skor ujian pra dan skor ujian pos pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan dalam kumpulan kaedah kes?
- viii. Adakah terdapat perbezaan di antara skor ujian pra dan skor ujian pos pencapaian prestasi dalam kumpulan kaedah kes?
- ix. Adakah terdapat perbezaan di antara skor ujian pra dan ujian pos pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah,



komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan dalam kumpulan pengajaran tradisional?

- x. Adakah terdapat perbezaan di antara skor ujian pra dan ujian pos pencapaian prestasi dalam kumpulan pengajaran tradisional?
- xi. Adakah wujud perbezaan pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan di antara kumpulan kaedah kes dan kumpulan pengajaran tradisional setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan?
- xii. Adakah wujud perbezaan pencapaian prestasi di antara kumpulan kaedah kes dan kumpulan pengajaran tradisional setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan?



1.8 Hipotesis kajian

H_{01} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan di antara kumpulan eksperimen dan kawalan.

H_{02} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra pencapaian prestasi di antara kumpulan eksperimen dan kawalan.

H_{03} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pos pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan di antara kumpulan eksperimen dan kawalan.





H_{04} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pos pencapaian prestasi di antara kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan.

H_{05} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min ujian pra dan skor min ujian pos pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan dalam kumpulan eksperimen.

H_{06} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min ujian pra dan skor min ujian pos pencapaian prestasi dalam kumpulan eksperimen.

H_{07} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min ujian pra dan skor min ujian pos pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan dalam kumpulan kawalan.



H_{08} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min ujian pra dan skor min ujian pos pencapaian prestasi dalam kumpulan kawalan.

H_{09} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pos pembangunan kompetensi iaitu kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan setelah skor min ujian pra dikawal sebagai konstan.

H_{010} = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pos pencapaian prestasi di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan.





1.9 Kerangka konseptual kajian

Kerlinger, (1973) mentakrifkan bahawa teori sebagai satu himpunan konsep, takrifan dan definisi yang paling berkait, yang memberi gambaran secara sistematik tentang fenomena dengan memperincikan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Menurut beliau, dalam sesuatu kajian, teori diterima sebagai satu panduan bagi membolehkan pengkaji menjalankan kajian. Justeru itu, pengkaji menggunakan teori pembelajaran konstruktivisme sebagai asas dalam pendekatan teori kajian ini. Walau bagaimanapun terdapat beberapa teori pembelajaran lain seperti teori tingkahlaku, kognitif dan pemprosesan maklumat yang menyokong pendekatan teori kajian ini yang akan dibincangkan dalam sorotan literatur.



Konstruktivisme ialah satu pandangan sosial saintifik yang menyatakan manusia secara aktif membina maklumat berasaskan pengalaman sedia ada (Bruner, 1996). Pengalaman pelajar menjadi perkara pokok dalam pembelajaran. Tanpa pengalaman, pelajar akan mengalami kesukaran untuk memahami atau menguasai sesuatu isi pelajaran (Vygotsky, 1978). Semua tindakan manusia adalah pembinaan daripada pengalaman dan interaksi mereka dengan masyarakat. Teori ini cuba mereka cipta suasana seseorang pelajar itu diperlukan untuk menguji proses kefahaman dan membina maksud mereka sendiri. Pembelajaran adalah aktif, menyelesaikan masalah berdasarkan penemuan intrinsik dan faktor yang menentukan pembelajaran adalah terdiri daripada sifat-sifat pelajar itu, pengetahuan sedia ada, motivasi dan pelbagai tugas pembelajaran (Zaharah, 2000). Ini bermakna pelajar membina pengetahuan dan kemahiran dengan mengaitkan apa yang dipelajari dengan pengalaman dan kehidupan seharian. Justeru itu, ia aktif berinteraksi dengan pelajar lain.





Menurut Nik Aziz (1999), konstruktivisme adalah tidak lebih daripada satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina sendiri pengetahuan sendiri. Ini bermakna bahawa sesuatu pengetahuan yang dipunyai oleh seorang individu adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh individu tersebut, dan bukan sesuatu maklumat atau pengajaran yang diterima secara pasif daripada luar. Pengetahuan tidak boleh dipindahkan daripada pemikiran seorang individu kepada pemikiran individu yang lain. Sebaliknya setiap individu membentuk sendiri dengan menggunakan pengalamannya secara terpilih. Pengkaji berpandangan pembelajaran berasaskan konstruktivisme memberi peluang kepada guru untuk memilih kaedah pengajaran yang sesuai seperti kaedah kes serta menentukan sendiri masa yang diperlukan untuk memperoleh sesuatu konsep dan pengetahuan. Dalam situasi ini, guru perlu peka mengenai kumpulan pelajar yang akan dikendalikannya serta kemampuan mereka dalam topik yang akan dipelajari. Dalam pembelajaran secara konstruktivisme pengetahuan tidak diterima secara pasif tetapi dibina secara aktif oleh pelajar. Manakala fungsi pembelajaran adalah bersifat penyesuaian dan bertanggungjawab mengorganisasikan dunia pengalaman dan bukan menemui dunia realiti.

Berdasarkan kepada prinsip pembelajaran konstruktivisme ini maka pembelajaran dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya proses mental, kaedah untuk mendapatkan ilmu (strategi pembelajaran), interaksi sosial (kawan, keluarga, motivasi dalaman dan luaran, sikap, minat serta harapan terhadap pembelajaran) dan akhir sekali faktor bahasa. Proses pembelajaran memberi kesan ke atas pembelajaran itu dan kesan ini adalah merujuk kepada hasil pembelajaran. Berasaskan hasil pembelajaran ini maka pengkaji telah mengadaptasi model yang diperkenalkan oleh






Bryant, (1974) yang mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi hasil pembelajaran. Menurut Bryant, terdapat tiga kumpulan yang mempengaruhi hasil pembelajaran iaitu input pelajar, proses pendidikan dan sikap, motivasi, aspirasi dan harapan. Salah satu faktor iaitu proses pendidikan yang mempunyai kaitan dengan kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran. Pengkaji menggunakan kaedah kes dan melihat kesan ke atas pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar. Berasaskan model ini maka pengkaji telah membentuk kerangka konseptual kajian.

Kerangka konseptual merujuk kepada satu set konsep yang berkaitan antara satu sama lain yang berhubung dengan satu-satu fenomena yang dikaji Sabitha (2005). Menurut beliau lagi, pengkaji kuantitatif sering kali menggunakan kerangka konseptual untuk memandu mengumpul data dan menginterpretasi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual yang telah dibina oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasi perhubungan antara pemboleh ubah bersandar melalui kaedah kajian eksperimen kuasi. Berdasarkan kerangka konseptual (Rajah 1.2), kajian ini menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar ialah pencapaian prestasi dan pembangunan kompetensi pelajar yang terdiri daripada kemahiran penyelesaian masalah, komunikasi, kerja kumpulan dan kepimpinan. Pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah pendekatan kaedah kes. Pembelajaran berasaskan konstruktivisme ini memberi penekanan kepada pelajar sendiri membina pengetahuan yang dibuat dengan berinteraksi, menguji dan memurnikan sendiri pengetahuan yang dikaitkan dengan dunia sebenar (Boyle, 1997).





Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian

1.10 Kepentingan kajian

Kajian yang memberi perhatian kepada peningkatan mutu pendidikan Perakaunan di Malaysia terutamanya dari segi kaedah P&P tidak banyak dikaji. Di antara kajian yang telah dijalankan di dalam bidang pendidikan Perakaunan adalah mengenai kurikulum Prinsip Akaun (Che Lai, 1993; Tham Charn Hoong & 1987), perkaitan antara pencapaian di dalam Matematik dengan pencapaian di dalam Prinsip Akaun (Tee Poh Wah, 1989), sikap dan pencapaian dalam Perakaunan (Halimah, 1992),



hubungan antara strategi pembelajaran dengan pencapaian pelajar tingkatan empat dalam Prinsip Akaun di sekolah menengah (Rihan, 2002), perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep sendiri akademik dan hubungan sosial dalam pendidikan Perakaunan (Suhaida, 2001), masalah P&P Prinsip Akaun (Hanuni, 2003) dan lokus kawalan dan hubungannya dengan pencapaian Prinsip Perakaunan di kalangan pelajar tingkatan empat (Salina, 2006).

Kajian berkaitan kaedah pengajaran yang dapat meningkatkan pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar adalah kurang terutamanya dalam bidang Perakaunan di peringkat sekolah menengah. Kajian oleh Rohaila (2006) dan Norlia (2006) pula, melihat pembangunan kompetensi dalam kalangan pelajar universiti.

Justeru itu, pengkaji merasakan terdapat keperluan yang nyata dan meruncing supaya diadakan kajian yang mengupas persoalan kesan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar bagi mengatasi kekurangan kemahiran dan kemerosotan pencapaian prestasi pelajar khususnya dalam subjek Prinsip Perakaunan tingkatan empat.

Kajian terhadap pendekatan kaedah kes dilihat mempunyai kepentingan tertentu yang dapat disumbangkan. Antara kepentingan kajian ini ialah:

- 1.10.1 Kepentingan kepada Jabatan Pelajaran Negeri, Pusat Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Pendidikan Guru. Kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam memperkemaskan metodologi P&P guru.





1.10.2 Kepentingan kepada pelajar.

Kajian ini dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar, menimbulkan sikap yang positif terhadap pembelajaran disebabkan motivasi belajar dalam suasana yang lebih terbuka, membantu pelajar meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan memperkembangkan kemahiran penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan melalui proses interaksi, menambahkan penglibatan dalam pembelajaran dan lebih bertanggungjawab terhadap kemajuan diri dan ahli-ahli kumpulan.

1.10.3 Kepentingan kepada guru.

Kajian ini membolehkan guru memainkan peranan sebagai penasihat, pemimpin, fasilitator, pendidik dan rakan pelajar dan menghargai sikap positif

pelajar.



1.10.4 Kepentingan kepada sekolah.

Kajian ini membantu pihak sekolah menggalakkan perhubungan yang positif di antara pelajar-pelajar majmuk selaras dengan konsep 1 Malaysia.

1.11 Batasan kajian

Kajian ini berbentuk eksperimen kuasi yang dijalankan di salah sebuah Sekolah Menengah di Tanjong Malim, Perak. Sampel kajian adalah terdiri daripada 61 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil subjek Prinsip Perakaunan dan tidak terlibat





dalam peperiksaan SPM tahun 2009 seperti disyaratkan oleh Bahagian Perancangan dan Kajian Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM dalam borang permohonan kebenaran menjalankan kajian di bawah KPM. Kumpulan eksperimen dan kawalan masing-masing terdiri daripada 31 dan 30 orang pelajar. Permasalahannya ialah pengkaji tidak dapat menjalankan kaedah persampelan terhadap individu kerana pelajar telah ditempatkan ke dalam kelas tertentu berdasarkan pencapaian Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan pemilihan subjek elektif.

Permasalahan lain ialah tajuk yang dipilih untuk kajian merupakan tajuk terakhir dalam huraian sukatan mata pelajaran Prinsip Perakaunan tingkatan empat dan proses P&P berlaku pada hujung tahun. Ini menyebabkan pengkaji menghadapi masalah untuk menyelaraskan masa kajian dengan masa P&P di sekolah. Faktor kekangan masa untuk membiasakan pelajar dengan rawatan yang diberikan juga merupakan satu batasan. Perkara ini tidak dapat dielakkan memandangkan waktu pengajian telah disusun mengikut sukatan pelajaran dan tempoh kajian. Pengkaji juga perlu menyediakan sendiri bahan pengajaran dan memerlukan masa untuk melatih guru yang mengendalikan P&P ini.

Kajian ini menguji keberkesanan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar. Segala dapatan yang diperolehi, hanya boleh menggambarkan hubungan antara keberkesanan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar. Kompetensi tersebut ialah kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan.





1.12 Definisi pemboleh ubah kajian

1.12.1 Kaedah kes

Satu kaedah pembelajaran yang berfokuskan penggunaan kes sebagai sebahagian daripada fokus kurikulum (Gallucci, 2006; Levin, 1995). Sudziana (1999) menyatakan kes boleh dibentangkan dalam bentuk tulisan, rakaman audio, atau pun filem; berkisarkan cerita rekaan atau peristiwa sebenar mengenai masalah atau dilema yang dihadapi oleh individu, pasangan, kumpulan, atau institusi (Herreid, 2005) yang boleh digunakan untuk tujuan pendidikan (Kauffman, Mostert, Trent, & Hallahan, 1998). Panjang sesuatu kes tiada hadnya, boleh terdiri daripada beberapa ayat, atau beberapa perenggan, malah hingga ke beratus-ratus muka surat (Marks & Rustard,



Kaedah kes dalam kajian ini adalah merujuk kepada kumpulan eksperimen. Pelajar menaksir kes yang dibaca, kemudiannya menaakul sebelum membuat sebarang keputusan dan penilaian secara perbincangan kumpulan. Kes yang dibentangkan adalah berkaitan dengan teori atau konsep yang akan diajar dan dalam bentuk cerita yang mempunyai elemen *real life situations/problems*.

1.12.2 Pengajaran tradisional

Pengajaran tradisional merujuk kepada kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar. Dalam kaedah ini, biasanya pelajar akan mendengar segala penerangan dan membuat catatan segala maklumat





yang diberikan. Pelajar menjalankan aktiviti secara individu di tempat duduk masing-masing. Selebihnya, guru akan menerangkan sesuatu konsep berserta isi pengajaran (Zainuddin, 2004). Menurut Somchai (2002), pengajaran tradisional adalah pengajaran yang lebih kepada objektivisme dan positisme.

Pengajaran tradisional yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada kumpulan kawalan. Strategi pengajaran yang secara lazimnya dilaksanakan di dalam kelas Prinsip Perakaunan iaitu lebih berpusatkan guru manakala pelajar bersifat pasif. Kaedah latih-tubi merupakan aktiviti pelajar yang dipentingkan semasa pengajaran prinsip Perakaunan dilangsungkan. Buku teks merupakan bahan pengajaran utama dalam pembelajaran kaedah ini. Perbincangan secara kumpulan dan pembentangan juga dijalankan mengikut kesesuaian.



1.12.3 Kompetensi

Kompeten membawa maksud kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap dan jayanya (Kamus Bahasa Malaysia Dewan Bahasa). Kompetensi, kemahiran insaniah atau *soft skill* adalah kualiti yang dicari dalam diri pelajar iaitu keseimbangan di antara pencapaian nilai gred dan kemahiran tingkah laku yang bersesuaian. Terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kompetensi. Antaranya kemahiran tingkahlaku (Coll & Zegward, 2006), kemahiran sosial (Nieragden, 2000) dan kemahiran asas (House of Representatives Standing Committee on Employment, Education and Training, 1997). Menurut mereka kompetensi terbahagi kepada beberapa kategori iaitu kemahiran menyelesaikan masalah dan kognitif, kemahiran komunikasi lisan, kualiti-kualiti





personal dan kemahiran interpersonal dan kemahiran-kemahiran organisasi. Kompetensi yang dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kemahiran personal yang diwakili oleh kompetensi penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan dan kerja kumpulan.

Kompetensi komunikasi dalam kajian ini merujuk kepada kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan penuh keyakinan secara lisan dan bertulis. Kompetensi penyelesaian masalah merupakan kebolehan mengenal pasti masalah, mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif. Kompetensi kepimpinan melibatkan keupayaan untuk memimpin dan menyelia anggota pasukan. Kompetensi kerja kumpulan pula merujuk kepada kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

Pembangunan kompetensi dalam kajian ini diukur menggunakan borang soal selidik pembangunan kompetensi yang merangkumi elemen keempat-empat kompetensi di atas. Pembangunan kompetensi adalah berdasarkan perbezaan ujian pra dengan ujian pos yang telah diuji kepada pelajar.

1.12.4 Prestasi

Prestasi ialah hasil dan mutu yang diperolehi dalam menjalankan sesuatu tugas (Kamus Bahasa Malaysia Dewan Bahasa). Wallman (1996), mendefinisikan pencapaian prestasi sebagai skor-skor atau gred-gred yang didapati oleh pelajar dalam peperiksaan atau ujian piawai. Pencapaian prestasi menurut Ma dan Kishor (1997),





sebagai pencapaian pelajar mengikut kurikulum yang diajar dan ditentukan dengan ujian-ujian dan peperiksaan yang dijalankan. Istilah prestasi ini biasa digunakan sebagai kesimpulan kepada kejayaan pelajar dalam sesuatu subjek. Syarifah Alwiah (1986) pula mentakrifkan prestasi sebagai perkara yang diukur daripada pencapaian. Pengukuran merupakan satu proses menghasilkan nilai-nilai kuantitatif untuk menentukan peringkat dan kedudukan pelajar-pelajar dalam pembelajaran. Tujuan utamanya ialah untuk membuat pengelasan bagi prestasi pelajar dalam pembelajaran (Ragbir Kaur, 2005).

Pencapaian prestasi dalam kajian ini adalah berdasarkan perbezaan ujian pra pencapaian prestasi dan ujian pos yang telah diuji kepada pelajar. Pencapaian prestasi pelajar diukur menggunakan set soalan ujian Perakaunan. Ujian ini mengukur sejauh mana seseorang itu lebih baik dari individu yang lain dalam perkara yang telah dipelajari bersama.

1.12.5 Prinsip Perakaunan

Prinsip Perakaunan ialah asas Perakaunan bagi pelajar tingkatan empat dan lima yang mengambilnya sebagai subjek elektif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah Kumpulan . Subjek ini merupakan peluasan dan lanjutan kepada aspek menyimpan rekod yang dipelajari dalam subjek Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah. Prinsip Perakaunan diajar supaya pelajar dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas Perakaunan dan proses pembelajaran yang menitikberatkan aspek pemahaman rasional sesuatu perkara itu dilakukan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000).





1.13 Rumusan

Kajian berbentuk eksperimen kuasi ini tertumpu kepada kesan kaedah kes terhadap pembangunan kompetensi dan pencapaian prestasi pelajar dalam subjek Prinsip Perakaunan tingkatan empat. Kerangka konseptual kajian dan tujuan kajian adalah sebagai landasan dan panduan agar kajian yang dijalankan nanti mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Batasan kajian yang ditetapkan membolehkan pengkaji membuat fokus kepada dimensi-dimensi yang telah ditetapkan. Penghuraian beberapa istilah, perkataan atau rangkaikata dalam definisi operasional pula untuk mengelakkan kekeliruan.

